

03/05/1999

Dr Mahathir, isteri melawat tiga kampung

JITRA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, hari ini meluangkan waktu mengunjungi penduduk tiga kampung di dua mukim di daerah Kubang Pasu.

Lawatan berkenaan dimulakan Perdana Menteri dan isteri dengan melawat tapak masjid Kampung Tanjung, mukim Binjal dekat sini, pada jam 9.30 pagi.

Tapak masjid seluas kira-kira sehektar itu dibeli bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff, yang kemudian mewakafkannya untuk pembinaan masjid dengan kos keseluruhan kira-kira RM850,000.

Ia bertujuan menggantikan masjid sedia ada di kampung berkenaan yang sering dinaiki air apabila hujan lebat. Pembinaan masjid berkenaan ditangguhkan berikutan kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian beramah mesra dengan penduduk Kampung Kubu yang juga di mukim berkenaan untuk mendengar luahan hati mereka dari pelbagai aspek seperti pembangunan dan politik.

Selain mendengar luahan hati penduduk kampung, Perdana Menteri dan isteri turut disajikan dengan pendeklamasian sajak yang dihasilkan anak kampung terbabit yang menggunakan nama pena 'Anak Karyaneka.'

Sajak berkenaan dideklamasikan Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu yang juga Pengerusi Umno Zon Binjal, Saad Yob, 52. Antara lain, sajak berkenaan memberikan kata-kata semangat kepada Dr Mahathir untuk terus berjuang membangunkan negara.

Lawatan diteruskan dengan Perdana Menteri dan isteri menjamah hidangan tengah hari di Kampung Teluk Malik, mukim Naga, kira-kira jam 12 tengah hari.

Selepas makan tengah hari, Perdana Menteri mendengar luahan hati penduduk kampung terbabit, sebelum pulang ke Kuala Lumpur, jam 3 petang ini.

(END)